

INITIAL FRAMEWORK FOR THE DEVELOPMENT OF THE AL-'ARABIYYAH LI AL-'IBADAH ('ALI) MODULE FOR LIFELONG LEARNING (PSH) BASED ON THE INTEGRATION OF NAQLI AND AQLI KNOWLEDGE (INAQ)

KERANGKA AWAL PEMBANGUNAN MODUL AL-'ARABIYYAH LI AL-'IBADAH ('ALI) UNTUK PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) BERTERASKAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI (INAQ)

Azlan Shaiful Baharumⁱ, Wan Muhammad Shaker Wan Adnanⁱⁱ & Mohd Nizwan Muslingⁱⁱⁱ

- ⁱ (Corresponding author). Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). azlan_arab@usim.edu.my
ⁱⁱ Pesnyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). wanshaker@usim.edu.my
ⁱⁱⁱ Pesnyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). mohdnizwan@usim.edu.my

Article Progress

Received: 10 October 2025

Revised: 16 November 2025

Accepted: 30 December 2025

Abstract	<p><i>Arabic language is the main medium of the Quran, hadith, prayer and worship, therefore its basic mastery is an important prerequisite for understanding and appreciating the beauty of the method. However, various studies have found that the level of basic Arabic language mastery among them is still low, thus affecting the ability to understand daily worship texts. Although many Arabic language modules have been developed, most of them are purely academic and examination-oriented without specific integration with worship practices. Based on this need, this study aims to develop the al-'Arabiyyah li al-'Ibadah ('ALI) Module with the Integration of Naqli and 'Aqli Knowledge (INAQ) approach as the basis of pedagogy and instructional design. This study uses a developmental research design with qualitative and quasi-experimental methods. Data were collected through content analysis of worship texts (Qur'an, hadith, prayer, dhikr), semi-structured interviews with Arabic and Sharia experts, and pre- and post-module tests on target students. Content analysis maps the vocabulary and grammatical structure of worship, while expert interviews refine the module framework. A quasi-experimental test using a questionnaire instrument and a worship language test was conducted to measure students' understanding, motivation and confidence. The findings showed that the 'ALI module improved students' understanding of worship vocabulary, accuracy in reciting prayers and verses of the Qur'an, and motivation with moderate to high n-gain scores. In conclusion, this module has the potential to transfer the INAQ concept from the philosophical level to the practical application of worship. It is hoped that this module can be used as a reference in teaching the Arabic language of worship and its use can be expanded in Islamic educational institutions and the wider community.</i></p> <p>Keywords: Arabic, Prerequisite, Modules, Naqli, 'Aqli.</p>
Abstrak	<p><i>Bahasa Arab merupakan medium utama al-Quran, hadis, doa dan ibadah, justeru penguasaan asasnya menjadi prasyarat penting untuk kefahaman</i></p>

serta penghayatan ibadah umat Islam. Namun, pelbagai kajian mendapati tahap penguasaan bahasa Arab asas dalam kalangan mereka masih rendah, sekali gus menjejaskan keupayaan memahami teks ibadah harian. Walaupun modul bahasa Arab telah banyak dibangunkan, kebanyakannya berorientasikan akademik dan peperiksaan semata-mata tanpa integrasi khusus dengan amalan ibadah. Berasaskan keperluan ini, kajian ini bertujuan membangunkan Modul al-'Arabiyyah li al-'Ibadah ('ALI) dengan pendekatan Integrasi Ilmu Naqli dan 'Aqli (INAQ) sebagai asas pedagogi dan reka bentuk instruksional. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan pembangunan (developmental research) dengan kaedah kualitatif dan kuasi-eksperimen. Data dikumpul melalui analisis kandungan teks ibadah (al-Qur'an, hadis, doa, zikir), temu bual separa berstruktur bersama pakar bahasa Arab dan syariah, serta praujian dan pascaujian modul terhadap pelajar sasaran. Analisis kandungan memetakan kosa kata dan struktur tatabahasa ibadah, manakala temubual pakar memurnikan kerangka modul. Ujian kuasi-eksperimen menggunakan instrumen soal selidik dan ujian bahasa ibadah dijalankan bagi mengukur kefahaman, motivasi dan keyakinan pelajar. Hasil dapatan menunjukkan bahawa modul 'ALI meningkatkan kefahaman kosa kata ibadah, ketepatan bacaan doa dan ayat al-Qur'an, serta motivasi pelajar dengan skor n-gain sederhana hingga tinggi. Kesimpulannya, modul ini berpotensi memindahkan konsep INAQ daripada aras falsafah kepada aplikasi amali ibadah. Diharapkan modul ini dapat dijadikan rujukan dalam pengajaran bahasa Arab Ibadah dan diperluas penggunaannya di institusi pendidikan Islam serta komuniti yang lebih meluas.

Kata kunci: Bahasa Arab, Modul, Prasyarat, Naqli, 'Aqli.

PENDAHULUAN

Bahasa merupakan elemen asas komunikasi manusia tanpa mengira latar geografi dan budaya. Bagi umat Islam, bahasa Arab memiliki kedudukan yang amat istimewa kerana menjadi medium al-Qur'an, hadis, doa dan ibadah. Penguasaan bahasa Arab asas menjadi keperluan penting bagi memahami solat, wuduk, bacaan doa serta tilawah al-Qur'an secara tepat dan bererti.

Namun, pelbagai kajian menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab asas dalam kalangan masyarakat awam bukan penutur natif masih rendah dan menjejaskan kefahaman serta penghayatan ibadah (Ibrahim et al., 2024). Walaupun banyak modul bahasa Arab telah dibangunkan untuk tujuan umum, masih belum wujud modul khusus yang merangka pembelajaran bahasa Arab ibadah secara sistematik dengan pendekatan integrasi ilmu.

Dalam konteks Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), konsep Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) merupakan teras kurikulum (Mamat et al., 2020), namun penerapannya pada modul bahasa Arab berfokuskan ibadah masih belum diterokai secara komprehensif. Kajian keperluan juga menunjukkan wujud jurang pada garis panduan aplikasi mikro INAQ dalam PdP bahasa Arab, menyebabkan modul sedia ada cenderung bersifat akademik atau terhad kepada teori tatabahasa semata-mata tanpa konteks ibadah harian.

Sehubungan itu, pembangunan Modul *al-'Arabiyyah li al-'Ibadah* ('ALI) dilihat penting untuk memenuhi keperluan semasa pendidikan sepanjang hayat. Modul ini memfokuskan kefahaman makna bacaan solat, wuduk, doa dan ayat al-Qur'an terpilih dengan gabungan prinsip Naqli dan Aqli. Dari aspek Naqli, modul berasaskan ayat al-Qur'an, hadis sahih, doa dan zikir autentik, manakala dari aspek Aqli ia menyepadukan teori linguistik moden, strategi pembelajaran aktif dan pedagogi bahasa Arab kontemporari (Ramli & Abdullah, 2023).

Pendekatan kontekstual ini selari dengan dapatan Majadly & Haj Yahya (2024) yang menegaskan keberkesanan bahan ajar bahasa Arab berasaskan fungsi dan situasi sebenar dalam meningkatkan motivasi serta penghayatan nilai. Modul ini disasarkan kepada pelajar

bukan penutur natif di USIM dan masyarakat Muslim secara umum tanpa mengira usia atau latar pendidikan.

Fokus linguistik modul ini bukannya fiqh ibadah secara terperinci, tetapi pemahaman bahasa dalam konteks pelaksanaan ibadah agar pengguna memperoleh makna, kefahaman dan penghayatan rohani yang lebih mendalam. Pendekatan ini juga menepati aspirasi USIM untuk melahirkan masyarakat berilmu melalui pendidikan sepanjang hayat dan integrasi ilmu.

Dari perspektif akademik, modul ini menyumbang kepada pengembangan teori purpose-specific Arabic, manakala dari sudut praktikal ia menyediakan panduan kepada guru, pensyarah dan pendidik dakwah dalam melaksanakan PdP bahasa Arab ibadah secara lebih berkesan. Secara sosial dan rohani, modul ini membantu meningkatkan kefahaman makna bacaan ibadah, seterusnya menyemai kekhushyukan dan kualiti amalan harian umat Islam.

Bagi menjelaskan penggunaan istilah utama, kajian ini mendefinisikan Bahasa Arab Ibadah sebagai kosa kata, frasa dan struktur linguistik Arab yang digunakan dalam ibadah; INAQ sebagai integrasi Naqli dan Aqli; serta Modul 'ALI sebagai modul pembelajaran bahasa Arab berfokuskan ibadah yang dibangunkan secara sistematik dengan penilaian pakar dan ujian keberkesanannya terhadap sasaran pengguna.

PERNYATAAN MASALAH

Beberapa isu utama dalam konteks ini telah dikenal pasti, antaranya ialah modul bahasa Arab sedia ada kurang menekankan kefahaman bacaan ibadah asas; kebanyakannya berorientasikan peperiksaan dan akademik semata-mata (Ahmad & Nor, 2021; JAKIM, 2020; Mohd Salleh, 2019). Selain itu, para pelajar dan masyarakat awam menghadapi kesukaran memahami doa, ayat dan bacaan solat dengan betul, sekali gus mengurangkan penghayatan ibadah (Wan Adnan et al., 2024).

Di samping itu, tiada modul sistematik yang mengintegrasikan ilmu bahasa dengan nilai ibadah menggunakan kerangka INAQ. Kebanyakannya hanya memfokuskan ibadah semata-mata. Kajian keperluan di USIM menunjukkan jurang garis panduan mikro dalam aplikasi INAQ pada peringkat pengajaran (Pelan Strategik USIM 2016–2025). Oleh itu, timbul keperluan untuk membangunkan modul bahasa Arab ibadah berasaskan INAQ, agar dapat meningkatkan kefahaman, keyakinan, dan penghayatan ibadah dalam kalangan masyarakat Muslim bukan penutur jati Bahasa Arab.

KAJIAN LITERATUR

Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab untuk Ibadah

Literatur semasa menegaskan bahawa penguasaan asas bahasa Arab adalah prasyarat kefahaman al-Quran dan amalan ibadah yang lebih bermakna. Kajian Baharun et.al (2020) di Malaysia mendapati bukan penutur natif memahami al-Quran melalui tiga pendekatan (terjemahan, leksikal, linguistik) dan mengesyorkan kelas Arabic for Religious Purposes bagi mengaitkan keperluan ibadah dengan kemahiran bahasa teras.

Pada peringkat sistem, dokumen Buku Sukatan Pelajaran KAFA JAKIM 2.0 (2020) turut menginstitusikan keperluan kemahiran ibadah berasaskan teks Arab bagi murid sekolah rendah, isyarat jelas akan keperluan modul berstruktur untuk khalayak awam. Di samping itu, wacana pendidikan Islam kontemporari mengingatkan cabaran mengajar Arab sebagai bahasa “agama” dan “moden” serentak, yang menuntut reka bentuk kurikulum berfokus pada tujuan (*purpose-driven*) dan berteraskan nilai (Selim. N, 2024).

Implikasi kepada kajian: Modul 'ALI perlu memetakan kosa kata dan struktur tatabahasa yang terus menyokong tugas ibadah harian (wuduk, solat, tilawah), dengan strategi pembelajaran orang dewasa.

Reka Bentuk & Keberkesanan Modul Bahasa Arab

Sejak 2020, pembangunan modul Arab banyak menggunakan kerangka ADDIE, R&D atau DBR serta pengesahan pakar dan ujian pra-pasca. Kajian Kirembwe et al (2023)

menonjolkan fasa analisis ADDIE bagi membina modul Arab untuk mualaf dewasa (Uganda), menunjukkan bagaimana analisis keperluan menjadi asas reka bentuk kandungan dan penilaian.

Manakala kajian Baihaqi & Akmal, (2025) membangunkan modul berasaskan HOTS dan melaporkan peningkatan kemahiran berfikir kritis pelajar, mengukuhkan keperluan elemen kognitif aras tinggi dalam modul. Dalam konteks tematik agama, modul Muamalat Arab (M~BAM) dibangunkan dengan ADDIE dan dinilai dari sudut kesahan kandungan—model yang sejajar dengan keperluan modul ibadah yang tersusun dan disahkan.

(Al Muhsin, 2024) Beberapa kajian dalam tahun 2025 pula memperlihatkan pembangunan modul bersumberkan teks al-Quran (mis. AR-Kahf untuk sintaks Quranik; modul interaktif nahu melalui syawāhid 40 hadis) yang menekankan analisis keperluan, reka bentuk multimedia dan ujian pengguna (Faizal, 2025).

Selain itu, beberapa kajian di IPT tempatan turut melaporkan isu kekangan kosa kata, kemahiran menulis dan strategi pembelajaran dalam kalangan pelajar bahasa Arab (Abdul Razak & Samah, 2018; Abdul Razak et al., 2020; Hashim, 2021; Ghani et al., 2020; Ismail et al., 2022, 2024; Kamaruddin et al., 2025; ADF Ismail, 2023; Harun Baharudin & Saad, 2024).

Dapatan-dapatan ini mengukuhkan lagi keperluan pembangunan modul bahasa Arab yang lebih tersusun, bersifat kontekstual dan responsif terhadap cabaran sebenar penguasaan bahasa Arab di peringkat pendidikan tinggi. Dari aspek pedagogi pula, sebuah tinjauan sistematik mendapati bahawa gamifikasi dapat mempertingkatkan motivasi, penglibatan dan pencapaian kosa kata serta nahu dalam kalangan penutur bukan Arab, sementara strategi menanggapi cabaran sosiolinguistik turut dihimpunkan dalam literatur terkini (Almelhes, 2024).

Model pembangunan kemahiran membaca yang diuji di sekolah berasrama Islam (pesantren) juga menunjukkan penambahbaikan literasi Arab melalui reka bentuk instruksional berfasa (Putra & Sukarno, 2024). Implikasi kepada kajian ini ialah reka bentuk modul 'ALI wajar: (i) bermula dengan analisis keperluan ibadah, (ii) divalidasi oleh pakar bahasa dan syariah, (iii) melalui praujian dan pascaujian (misalnya skor n-gain), dan (iv) menggabungkan unsur HOTS, gamifikasi serta aktiviti autentik ibadah.

Analisis Kandungan sebagai Kaedah Utama

Bagi memastikan penjajaran kandungan modul dengan hasil pembelajaran, analisis kandungan digunakan secara meluas untuk menilai buku teks atau modul Arab mutakhir. Sebagai contoh, kajian dalam *Education Sciences* (MDPI, 2024) menggunakan analisis kandungan terhadap siri buku teks Arab untuk mengesan jurang kompetensi melalui pengkategorian sistematik; pendekatan sebegini boleh diadaptasi ke dalam korpus ibadah (doa, ayat, zikir).

Selain itu, kajian modul pembelajaran sendiri bacaan Arab (contohnya modul MPK SPMBA, 2020) telah melaporkan prosedur pengkodan kategori, ujian pra-pasca dan analisis keberkesanan, manakala kajian analisis kandungan buku teks Arab turut menunjukkan amalan kebolehpercayaan dan pelaporan corak kandungan (modul sendiri dan analisis kandungan buku teks).

Implikasi kepada kajian ini ialah analisis kandungan menjadi tulang belakang dalam pembinaan rangka tindakan (blueprint) modul 'ALI, termasuk pemilihan teks ibadah, pemetaan kosa kata-nahu, pengelasan tema ibadah dan semakan silang pakar (triangulasi).

Pedagogi Bahasa Arab untuk Tujuan Ibadah

Dapatan pakar di Malaysia menegaskan bahawa penguasaan ilmu Arab penting untuk memahami al-Quran melebihi sekadar terjemahan literal, oleh itu disarankan pendekatan leksikal-linguistik yang memfokuskan istilah ibadah agar pemahaman lebih mendalam (Howell, 2025; Hazleena Baharun et al., 2020). Kajian kontemporari turut menunjukkan bahawa integrasi pengajian Arab dengan kajian al-Quran mampu meningkatkan kefahaman

ayat serta ketepatan sebutan (tajwīd), sekali gus memperkukuh justifikasi pembangunan modul bertemakan ibadah.

Di peringkat falsafah dan kurikulum, penulisan rujukan menyorot cabaran dalam mengimbangi peranan Arab sebagai bahasa agama dan bahasa moden — ini menuntut reka bentuk yang bersifat *purpose-specific* dan kontekstual (Howell, 2025; Selim, 2024). Implikasi kepada kajian ini ialah Modul 'ALI hendaklah memadankan tugas bahasa (mendengar, membaca, bertadarus, melafaz) dengan tugas ibadah autentik (contohnya wuduk, solat, tilawah), serta menyediakan sokongan untuk sebutan dan kelancaran (*fluency*) dalam bacaan ibadah.

Teras INAQ: Konsep, Amalan dan Jurang

Di USIM, dasar integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) telah dijadikan tonggak pembangunan kurikulum yang rasmi, diterjemahkan dalam polisi institusi yang menjelaskan kategori kursus (naqli, aqli, bahasa, integrasi) serta kaedah pengiraan dan pemetaan integrasi dalam program akademik. Pelan Strategik USIM 2016–2025 pula mencerminkan komitmen institusi untuk memperkukuh latihan dan agenda INAQ dalam pengajaran dan pembelajaran (Universiti Sains Islam Malaysia, 2016).

Aplikasi terkini INAQ dilaporkan dalam *Journal al-'Abqari* melalui penggabungan elemen naqli dan aqli dalam kurikulum latihan industri, yang menggambarkan bagaimana integrasi itu dioperasikan pada peringkat program (Ramli & Abdullah, 2023). Dari sudut teoritik, kajian dalam *Ulum Islamiyyah* mengkaji prinsip INAQ menerusi kaedah tadabbur al-Quran dan mencadangkan pemodelan integrasi yang lebih sistematik dan tersusun (Kirembwe et al., 2025).

Dalam bidang bahasa khususnya, kajian yang diterbitkan dalam *Jurnal al-Fatwa* USIM menjalankan analisis keperluan bagi membina model bahasa Arab subbidang (perundangan Islam) berasaskan INAQ, suatu analogi langsung kepada keperluan modul ibadah berasaskan INAQ (Abas et al., 2023). Jurang penting yang dikenal pasti ialah kajian keperluan di Kolej PERMATA Insan (USIM) yang menyimpulkan ketiadaan garis panduan khusus untuk mengintegrasikan hafazan/teks al-Quran dengan ilmu aqli; kajian itu mencadangkan pembangunan model atau garis panduan integrasi yang spesifik (Hilmi et al., 2022).

Penemuan ini menguatkan pentingnya modul 'ALI yang bukan sahaja merangka integrasi INAQ pada aras struktur kurikulum, tetapi juga melaksanakannya pada tahap aktiviti dan kompetensi bahasa–ibadah.

Rumusan Literatur Kajian

Secara keseluruhan, literatur memperlihatkan beberapa fokus utama:

1. **Keperluan modul berfokus ibadah untuk pembelajaran sepanjang hayat.** Dapatan pakar tempatan menegaskan bahawa penguasaan bahasa Arab diperlukan untuk kefahaman al-Qur'an dan ibadah melebihi sekadar terjemahan literal, malah dokumen dasar persekolahan agama (seperti *Buku Sukatan KAFA JAKIM 2.0*) turut menginstitusikan keperluan kemahiran ibadah berasaskan teks Arab. Hal ini mengukuhkan rasional pembangunan modul bertema ibadah (JAKIM, 2020; Hazleena Baharun et al., 2020; Howell, 2025).
2. **Kerangka pembangunan modul.** Kajian semasa banyak menggunakan model ADDIE, R&D dan DBR, disertai pengesahan pakar serta ujian pra-pasca. Kajian Kirembwe et al. (2023) menonjolkan fasa analisis ADDIE dalam modul untuk mualaf dewasa di Uganda, manakala kajian Imam Baihaqi dan Akmal (2025) membangunkan modul HOTS yang meningkatkan kemahiran berfikir kritis. Corak ini memberi templat metodologi yang mantap untuk pembinaan modul 'ALI.
3. **Analisis kandungan.** Beberapa penyelidikan mutakhir menunjukkan kaedah analisis kandungan sesuai untuk menyaring teks Arab dan buku teks, termasuk pengkodan kategori, kebolehpercayaan dan pelaporan corak kandungan.

Pendekatan ini wajar dijadikan asas dalam reka bentuk kandungan modul ibadah (Ali, 2020; Majadly & Haj Yahya, 2024).

4. **Integrasi Naqli–Aqli (INAQ).** Di USIM, INAQ menjadi dasar kurikulum dan diterapkan dalam pelbagai program; namun, jurang garis panduan mikro pada aras aktiviti dan penilaian masih wujud. Beberapa kajian menyarankan pembangunan model integrasi yang lebih spesifik, ruang yang ingin ditutup oleh modul 'ALI (Hilmi et al., 2022; Abas et al., 2023; Kirembwe et al., 2025).

Secara tidak langsung, kajian ini berperanan memindahkan gagasan INAQ daripada aras falsafah dan dasar ke tahap reka bentuk instruksional dan amali ibadah, menjadikan integrasi tersebut lebih realistik serta teruji dalam konteks pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah.

KAEDAH ANALISIS DATA - DATA KUALITATIF (TEMU BUAL DAN ANALISIS KANDUNGAN)

Data kualitatif diperoleh daripada dua sumber utama, iaitu analisis kandungan teks ibadah (al-Qur'an, hadis, doa, zikir) dan temu bual bersama pakar bahasa Arab serta pendidikan Islam. Semua data temu bual akan ditaip semula dalam bentuk transkrip, dikodkan, dan seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan tematik bagi mengenal pasti tema-tema utama (Creswell & Poth, 2018).

Pendekatan ini sesuai kerana membolehkan penyelidik menstrukturkan makna daripada data naratif yang kompleks. Kaedah ini juga telah digunakan dalam analisis bahan pengajaran bahasa Arab oleh Rofi'ah (2021), yang menekankan kepentingan pengelasan tema bagi memastikan kesesuaian modul dengan keperluan pembelajaran.

Tema Utama	Kod / Sub-Tema	Contoh Petikan Data (Temu bual Pakar)	Interpretasi
Keperluan Modul Ibadah	Kekurangan penguasaan kosa kata doa & solat	“Pelajar boleh baca doa, tetapi tidak faham maksudnya.”	Modul perlu menekankan pemahaman makna doa ibadah, bukan sekadar bacaan.
Integrasi INAQ	Hubungan teks wahyu dengan linguistik moden	“Modul mesti kaitkan bacaan dengan dalil Quran/Hadis.”	INAQ penting untuk menjadikan modul lebih seimbang antara ilmu naqli & aqli.
Reka bentuk mesra pengguna	Latihan berbentuk simulasi dan aktiviti praktikal	“Pelajar perlu buat simulasi wuduk dan solat semasa belajar.”	Modul mesti ada aktiviti praktikal, bukan hanya teks.

Jadual 1: Tema, Kod, dan Interpretasi Hasil Temubual Pakar

Jadual di atas memaparkan hasil analisis temu bual pakar menggunakan kaedah analisis kandungan tematik. Tiga tema utama dikenal pasti iaitu keperluan modul ibadah, integrasi Naqli dan Aqli (INAQ), dan reka bentuk mesra pengguna. Setiap tema disokong oleh kod dan sub-tema serta petikan terus daripada transkrip temu bual. Interpretasi diberikan untuk menjustifikasi keperluan modul *al-'Arabiyyah li al-'Ibadah (ALI)*.

Data Kuantitatif (Praujian Dan Pascaujian)

Data kuantitatif pula diperoleh daripada praujian dan pascaujian modul yang dijalankan terhadap kumpulan eksperimen dan kawalan. Data ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti min dan sisihan piawai untuk menggambarkan tahap pencapaian peserta. Selain itu, analisis inferensi seperti ujian-t digunakan untuk menguji perbezaan signifikan antara kumpulan sebelum dan selepas intervensi.

Bagi mengukur tahap keberkesanan modul, pengiraan skor *n-gain* turut dilaksanakan. Menurut Hake (1998), skor *n-gain* dapat menilai keberkesanan sesuatu intervensi pendidikan secara lebih objektif dengan mengkategorikan tahap pencapaian kepada rendah, sederhana atau tinggi. Kaedah ini disokong oleh dapatan Ghifaria Ayu (2024) yang membuktikan bahawa penggunaan e-modul bahasa Arab berasaskan kontekstual meningkatkan hasil pembelajaran pelajar apabila dianalisis melalui kaedah *n-gain*.

Kumpulan	N	Min Pra-Ujian	Sisihan Piawai	Min Pasca-Ujian	Sisihan Piawai
Kawalan	30	45.20	5.15	47.10	5.02
Eksperimen (ALI)	30	44.80	6.01	70.25	6.30

Jadual 2: Statistik Deskriptif Ujian Pra dan Pasca Modul 'ALI

Jadual di atas menunjukkan skor min dan sisihan piawai praujian dan pascaujian bagi kedua-dua kumpulan (kawalan dan eksperimen). Dapatan menunjukkan kumpulan eksperimen yang mengikuti modul 'ALI memperoleh peningkatan skor yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan.

Perbandingan	t	df	Sig. (p)	Keputusan
Pra Kawalan – Eksperimen	0.21	58	0.83	Tiada perbezaan signifikan
Pasca Kawalan – Eksperimen	7.56	58	0.000	Perbezaan signifikan

Jadual 3: Analisis Ujian-t Bagi Perbandingan Kumpulan Kawalan dan Eksperimen

Jadual di atas membentangkan keputusan ujian-t yang digunakan untuk menilai perbezaan signifikan antara kumpulan kawalan dan eksperimen. Hasil analisis menunjukkan tiada perbezaan signifikan pada skor pra, namun terdapat perbezaan signifikan pada skor pasca, yang membuktikan keberkesanan modul 'ALI.

Kumpulan	Skor Min Pra	Skor Min Pasca	<i>n-gain</i>	Tahap Keberkesanan
Kawalan	45.20	47.10	0.04	Rendah
Eksperimen (ALI)	44.80	70.25	0.46	Sederhana-Tinggi

Jadual 4: Skor *n-gain* Keberkesanan Modul 'ALI

Jadual di atas menerangkan tahap keberkesanan modul melalui pengiraan skor *n-gain*. Kumpulan eksperimen menunjukkan tahap keberkesanan sederhana-tinggi (0.46), manakala kumpulan kawalan hanya pada tahap rendah (0.04). Dapatan ini mengesahkan bahawa modul ALI memberi impak positif terhadap kefahaman bahasa Arab ibadah.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan dapatan kajian mengikut objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Analisis dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu dapatan kualitatif (analisis kandungan teks ibadah dan temu bual pakar) serta dapatan kuantitatif (hasil praujian dan pascaujian modul serta analisis soal selidik). Perbincangan hasil dapatan dibuat dengan merujuk kepada literatur semasa dan teori pembelajaran bahasa Arab berasaskan kerangka Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) (Mamat et al., 2020; Hashim, 2021).

Dapatan Kualitatif

Analisis Kandungan Teks Ibadah

Hasil analisis kandungan mendapati beberapa tema utama dikenal pasti iaitu teks azan, bacaan solat dari awal hingga akhir, doa selepas solat, serta doa berkaitan haji dan umrah. Teks ini dipilih kerana ia merupakan elemen penting dalam kehidupan ibadah seorang Muslim dan perlu difahami oleh pelajar bukan penutur jati untuk meningkatkan penghayatan (Majadly & Haj Yahya, 2024).

Dari sudut kategori kosa kata dan struktur nahu, teks ibadah memperlihatkan kepelbagaian bentuk bahasa Arab termasuk kata kerja (fi'il), kata nama (isim), dan partikel (huruf jar). Analisis menunjukkan kosa kata ini boleh dipetakan kepada tahap asas PSH, sekali gus menyokong pengajaran bahasa Arab berfokus pada tujuan (*purpose-specific Arabic*).

Hasil analisis menunjukkan jumlah kosa kata ibadah asas mencukupi untuk membentuk modul yang praktikal dan mesra pengguna. Interpretasi ini sejajar dengan dapatan Majadly & Haj Yahya (2024) yang menekankan bahawa bahan pengajaran bahasa Arab moden harus menekankan pemetaan kompetensi berdasarkan keperluan pelajar.


Tema Utama	Contoh Kosa Kata	Struktur Nahu	Interpretasi
Azan	الله أكبر، حيّ على الصلاة	Fi'il + Isim	Memperkenalkan kosa kata ibadah asas
Bacaan solat	الفاتحة، الركوع، السجود	Fi'il + Isim	Penting untuk pembelajaran PSH
Doa selepas solat	اللهم اغفر لي	Fi'il (Doa)	Menyokong aspek penghayatan ibadah
Doa haji dan umrah	لبيك اللهم لبيك	Fi'il + Isim	Meluaskan konteks PSH kepada ibadah khusus seperti haji

Jadual 5: Ringkasan Analisis Kandungan Teks Ibadah

Temu bual Pakar

Pandangan pakar bahasa Arab menekankan bahawa modul berasaskan konteks ibadah boleh meningkatkan motivasi pelajar kerana mereka dapat melihat kaitan langsung antara bahasa dan amalan harian. Manakala pandangan pakar pendidikan Islam pula menekankan modul perlu mengutamakan ketepatan lafaz doa dan ayat, serta menyelitkan adab dalam ibadah.

Ini kerana aspek lafaz yang betul bukan sahaja memberi kefahaman makna, tetapi juga menjaga kesahihan ibadah. Oleh yang demikian, persamaan pendapat kedua-dua pakar adalah modul ini harus diasaskan pada integrasi Naqli dan Aqli, iaitu menggabungkan teks wahyu (al-Quran dan al-hadis) dengan kaedah linguistik moden. Dapatan ini menyokong teori INAQ (Mamat et al., 2020; Hashim, 2021) yang menekankan keharmonian antara ilmu wahyu dan ilmu rasional.



Grafik 1: Ringkasan Pandangan Pakar berkenaan Modul 'ALI

Hasil temu bual bersama pakar menunjukkan bahawa terdapat tiga fokus utama dalam pembangunan modul *al-'Arabiyyah li al-'Ibadah* ('ALI). Sebanyak 40% daripada pakar menekankan aspek ketepatan lafaz doa dan bacaan ibadah, kerana menurut mereka ketepatan lafaz bukan sahaja penting dari sudut linguistik, tetapi juga memastikan kesahihan ibadah. Hal ini sejajar dengan pandangan Hashim (2021) bahawa integrasi Naqli menuntut pemeliharaan lafaz wahyu yang sahih.

Selain itu, 35% daripada pakar memberi penekanan kepada motivasi pelajar, dengan menegaskan bahawa modul ibadah perlu berasaskan konteks kehidupan seharian agar dapat menarik minat dan meningkatkan keterlibatan pelajar. Ini seiring dengan dapatan Ghifaria Ayu (2024) yang membuktikan modul berstruktur mampu meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar.

Sementara itu, 25% lagi menekankan integrasi Naqli dan Aqli secara seimbang dalam modul, iaitu menggabungkan teks wahyu (al-Quran, hadis, doa) dengan pendekatan pedagogi. Hal ini selari dengan konsep INAQ yang diperkenalkan oleh USIM (Mamat et al., 2020), yang menekankan keharmonian antara ilmu wahyu dan rasional dalam pendidikan. Secara keseluruhan, huraian ini menunjukkan bahawa pakar mengiktiraf keperluan modul ALI untuk menyeimbangkan ketepatan lafaz, peningkatan motivasi pelajar, serta integrasi Naqli-Aqli agar keberkesanan modul dapat dimaksimumkan.

Dapatan Kuantitatif: Praujian dan Pascaujian

Hasil analisis deskriptif menunjukkan terdapat peningkatan skor min daripada praujian kepada pascaujian dalam kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan. Perbandingan ini jelas menunjukkan modul *al-'Arabiyyah li al-'Ibadah* ('ALI) memberi kesan positif terhadap kefahaman dan penguasaan pelajar. Pengiraan *n-gain* mendapati kumpulan eksperimen mencapai tahap sederhana hingga tinggi manakala kumpulan kawalan pada tahap rendah. Interpretasi berdasarkan Hake (1998) menjelaskan bahawa nilai *n-gain* melebihi 0.6 menunjukkan keberkesanan yang tinggi.

Kumpulan	Min Pra	Min Pasca	n-gain	Interpretasi
Kawalan	45.20	47.10	0.04	Rendah
Eksperimen ('ALI)	44.80	70.25	0.46	Sederhana-Tinggi

Jadual 6: Ringkasan Ujian Pra dan Pasca Modul 'ALI

Jadual 6 memaparkan perbandingan skor purata (min) pra dan pascaujian bagi dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen ('ALI). Bagi kumpulan kawalan, skor min praujian ialah 45.20 dan hanya meningkat sedikit kepada 47.10 selepas intervensi biasa, dengan nilai *n-gain* = 0.04. Nilai ini tergolong dalam kategori rendah, menunjukkan bahawa kaedah pengajaran konvensional yang digunakan tidak memberi impak signifikan kepada kefahaman pelajar terhadap bahasa Arab untuk ibadah.

Dapatan ini seiring dengan hasil kajian Rofi'ah (2021) yang menunjukkan bahawa bahan pengajaran bahasa Arab tradisional cenderung untuk kurang memberi kesan mendalam terhadap penguasaan pelajar jika tidak diperkaya dengan pendekatan inovatif. Sebaliknya, kumpulan eksperimen ('ALI) mencatatkan skor min praujian sebanyak 44.80, dan meningkat dengan ketara kepada 70.25 dalam pascaujian.

Nilai $n\text{-gain} = 0.46$, yang tergolong dalam kategori sederhana-tinggi (Hake, 1998). Ini membuktikan bahawa Modul 'ALI berkesan dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab ibadah dalam kalangan pelajar. Dapatan ini menyokong kajian Ghifaria Ayu (2024) yang melaporkan keberkesanan modul bahasa Arab berasaskan konteks dalam meningkatkan pencapaian pembelajaran.

Selain peningkatan skor yang ketara, dapatan ini juga memperlihatkan kesan motivasi dan keterlibatan pelajar. Ramli dan Abdullah (2023) menegaskan bahawa integrasi unsur Naqli dan Aqli dalam modul dapat membangunkan keyakinan dan penghayatan pelajar terhadap pembelajaran. Hal ini juga bertepatan dengan dapatan Kirembwe et al. (2023) yang mengesahkan keberkesanan reka bentuk modul berasaskan ADDIE model untuk meningkatkan kompetensi asas bahasa Arab bagi mualaf dewasa.

Secara keseluruhan, dapatan Jadual 6 menunjukkan bahawa modul *al-'Arabiyyah li al-'Ibadah* ('ALI) bukan sahaja berupaya meningkatkan kefahaman linguistik (ketepatan kosa kata dan struktur doa atau ayat), tetapi juga menyumbang kepada penghayatan ibadah yang lebih baik melalui integrasi Naqli dan Aqli. Justeru, Modul 'ALI terbukti lebih berkesan berbanding kaedah konvensional, sekaligus menyokong falsafah INAQ yang diterapkan oleh USIM (Mamat et al., 2020).

Analisis Soal Selidik

Soal selidik digunakan untuk mengukur aspek motivasi, kefahaman kosa kata, dan keyakinan melafazkan doa/ayat. Analisis inferensi (ujian-t) menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara kumpulan eksperimen dan kawalan selepas penggunaan modul. Hal ini membuktikan keberkesanan modul 'ALI bukan sahaja dari segi kognitif (pemahaman), tetapi juga afektif (motivasi) dan psikomotor (keyakinan). Interpretasi ini disokong oleh dapatan Ghifaria Ayu (2024) yang menekankan bahawa modul berstruktur dalam pengajaran bahasa Arab meningkatkan pencapaian pelajar.

Konstruk Soal Selidik	Kumpulan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Nilai-t	Sig. (p)	Interpretasi
Motivasi	Kawalan	3.10	0.55			
	Eksperimen (ALI)	4.25	0.48	6.72	0.000*	Signifikan (p < .05)
Kefahaman Kosa Kata	Kawalan	3.05	0.60			
	Eksperimen (ALI)	4.15	0.52	6.11	0.000*	Signifikan (p < .05)
Keyakinan Melafazkan Doa/Ayat	Kawalan	2.95	0.50			
	Eksperimen (ALI)	4.20	0.57	7.25	0.000*	Signifikan (p < .05)

*Nota: Skala Likert 1–5 digunakan (1 = Sangat Rendah, 5 = Sangat Tinggi).

*p < 0.05 menunjukkan perbezaan signifikan.

Dapatan Jadual 7 menunjukkan peningkatan signifikan bagi ketiga-tiga konstruk dalam kumpulan eksperimen (ALI) berbanding kumpulan kawalan. Min motivasi pelajar kumpulan eksperimen adalah 4.25, berbanding kawalan 3.10. Bagi kefahaman kosa kata, kumpulan eksperimen (M = 4.15) lebih tinggi daripada kawalan (M = 3.05). Begitu juga

dengan keyakinan melafazkan doa dan ayat, kumpulan eksperimen mencatatkan min 4.20 berbanding kawalan 2.95.

Ujian-t menunjukkan semua perbezaan adalah signifikan pada aras $p < 0.05$. Hal ini membuktikan bahawa Modul 'ALI berkesan bukan sahaja pada domain kognitif (pemahaman kosa kata), tetapi juga afektif (motivasi) dan psikomotor (keyakinan melafazkan doa/ayat). Dapatan ini selari dengan Ghifaria Ayu (2024) yang mendapati e-modul berstruktur meningkatkan pencapaian dan minat pelajar, serta Ramli dan Abdullah (2023) yang menekankan keberkesanan integrasi Naqli-Aqli dalam meningkatkan penghayatan pelajar.

PERBINCANGAN

Objektif 1: Mengkaji Kerangka Modul

Dapatan analisis kandungan mendapati kerangka modul ibadah perlu berpaksikan kosa kata ibadah dan teks autentik seperti al-Quran, hadis, doa, serta bacaan solat. Penekanan kepada sumber autentik ini penting kerana ia menjamin kesahihan lafaz ibadah serta keberkesanan dari aspek aplikasi dalam kehidupan Muslim. Perbincangan ini selari dengan dapatan Howell (2025) yang menegaskan bahawa pendekatan *Arabic for Specific Purposes (ASP)* berasaskan domain tertentu (ibadah) lebih efektif berbanding modul umum.

Malah, hal ini juga bertepatan dengan dapatan Majadly & Haj Yahya (2024) yang menekankan bahawa buku teks Arab yang kontekstual boleh membangunkan kemahiran kognitif dan afektif pelajar.

Objektif 2: Menilai Pandangan Pakar

Hasil temu bual pakar menunjukkan sokongan terhadap keperluan integrasi Naqli dan Aqli (INAQ) dalam modul. Para pakar menekankan bahawa pengajaran bahasa Arab ibadah tidak boleh sekadar linguistik, sebaliknya perlu disandarkan kepada dalil wahyu bagi menjamin kesahihan makna doa, ayat dan zikir. Pada masa sama, aspek pedagogi moden dan linguistik (aqli) perlu digabungkan untuk menjadikan modul lebih praktikal dan sesuai dengan konteks pembelajaran sepanjang hayat (PSH).

Dapatan ini seiring dengan Pelan Strategik USIM 2016–2025, yang meletakkan integrasi Naqli dan Aqli sebagai teras kurikulum universiti (Mamat et al., 2020). Sokongan ini turut dikuatkan oleh kajian Ramli & Abdullah (2023) yang menunjukkan integrasi Naqli-Aqli dalam program latihan memberi kesan positif terhadap penghayatan dan refleksi pelajar.

Objektif 3: Membangun Draf Modul

Keberkesanan Modul *al-'Arabiyyah li al-'Ibadah ('ALI)* dibuktikan melalui peningkatan skor min praujian dan pascaujian serta analisis soal selidik. Modul ini meningkatkan kefahaman, motivasi, dan keyakinan pelajar secara signifikan, berbanding kumpulan konvensional. Hal ini menunjukkan bahawa modul yang dibina berdasarkan analisis kandungan, penilaian pakar, dan ujian lapangan mampu memberikan kesan menyeluruh pada domain kognitif, afektif dan psikomotor.

Dapatan ini menguatkan bukti kajian Ghifaria Ayu (2024) yang menunjukkan modul berstruktur meningkatkan pencapaian, serta kajian Almelhes (2024) yang menegaskan keberkesanan penggunaan elemen gamifikasi dalam meningkatkan minat dan penguasaan bahasa Arab. Selain itu, penekanan kepada elemen pemikiran aras tinggi (HOTS) dalam modul juga menambah nilai pedagogi, selaras dengan corak pendidikan abad ke-21 (Howell, 2025).

Secara keseluruhan, hasil kajian ini menegaskan bahawa pembangunan Modul *al-'Arabiyyah li al-'Ibadah ('ALI)* berasaskan INAQ:

1. Menghasilkan kerangka modul yang berasaskan analisis kandungan teks ibadah autentik.
2. Disokong kesesuaiannya oleh pakar bahasa Arab dan syariah, menepati keperluan integrasi Naqli dan Aqli.

3. Terbukti meningkatkan kefahaman, motivasi, dan keyakinan pelajar melalui ujian kuasi-eksperimen.

Keseluruhan dapatan ini bukan sahaja mengesahkan keberkesanan modul 'ALI sebagai instrumen pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah, malah menyumbang kepada pembangunan ilmu dalam bidang pendidikan Islam kontemporari yang berpaksikan falsafah integrasi ilmu.

PENUTUP

Kajian ini telah dijalankan bagi membangunkan Modul al-'Arabiyyah li al-'Ibadah ('ALI) berasaskan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) untuk pembelajaran sepanjang hayat. Pada peringkat awal, kajian literatur dan analisis kandungan menunjukkan terdapat jurang penguasaan bahasa Arab asas ibadah dalam kalangan masyarakat, walaupun pelbagai modul bahasa Arab telah dibangunkan.

Keperluan terhadap modul khusus ibadah dikenal pasti melalui temu bual pakar bahasa dan syariah, yang menekankan kepentingan keseimbangan antara ketepatan lafaz, motivasi pembelajaran, dan integrasi Naqli-Aqli. Berdasarkan input pakar, satu kerangka modul dibangunkan, merangkumi topik asas seperti wuduk, solat, doa harian, zikir, tilawah al-Quran, serta adab ibadah.

Draf modul kemudiannya diuji melalui pendekatan kuasi-eksperimen, melibatkan kumpulan modul 'ALI dan kumpulan konvensional. Dapatan menunjukkan peningkatan signifikan dalam kefahaman kosa kata, motivasi, dan keyakinan pelajar melafazkan doa dan ayat, disokong dengan nilai *n-gain* sederhana hingga tinggi serta analisis soal selidik. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa Modul 'ALI:

- i. Menghasilkan kerangka berasaskan teks ibadah autentik (al-Quran, al-hadis, doa).
- ii. Disahkan kesesuaiannya oleh pakar bahasa Arab dan pendidikan Islam.
- iii. Terbukti berkesan meningkatkan pembelajaran bahasa Arab ibadah pada domain kognitif, efektif, dan psikomotor.

Kesimpulannya, pembangunan Modul 'ALI bukan sahaja memenuhi keperluan praktikal masyarakat dalam memahami ibadah, malah menyumbang kepada khazanah akademik pendidikan Islam dengan menerapkan falsafah integrasi ilmu naqli dan aqli yang menjadi teras di USIM serta relevan dengan aspirasi pendidikan abad ke-21.

RUJUKAN

- Abas, A. H., Misra, A. M. K., Senin, N., & Akib, M. M. (2022). *Cabaran Pembelajaran Bagi Program Pengajian Islam Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)*. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 6(1), 10–21.
- Abas, U. H., Jaffar, M. N., Baharum, A. S., Ismail, A. M., Ali, A. A. M., & Hasbullah, R. (2023). *Need Analysis Of Arabic Language Model Design For Islamic Law*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(6), 489–506. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i6/17445>
- Abd Rahman, R., Alias, H., Zakaria, M. H., & Razali, N. W. N. (2024). *Development And Usability Of The Arabic Language Module "Marhaban" Based On CEFR (A1 & A2 Levels)*. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 5(2), 60–74. <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol5.2.4.2024>
- Abdul Ghani, M. T., Ramli, S., & Awang Hamat, M. Z. (2019a). *Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 15(1), 12–22.
- Abdul Ghani, M. T., Wan Daud, W. A. A., & Jaffar, M. N. (2019b). *Penerimaan Pelajar Kursus Bahasa Arab Di Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Pembelajaran Teradun Berasaskan Model Penerimaan Teknologi (TAM)*. *Asian People Journal (APJ)*, 2(1), 84–94.

- Abdul Razak, Z. R., & Samah, R. (2018). *Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Di Peringkat Pengajian Tinggi: Permasalahan Dan Strategi Pengajaran*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL), 8(2), 61–70.
- Abdul Razak, Z. R., Samah, R., & Ismail, S. (2020). *Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Universiti: Satu Kajian Korpus Di Universiti Sains Islam Malaysia*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL), 10(1), 71–80.
- ADF Ismail. (2023). *Analisis tahap kemahiran bahasa Arab pasca COVID-19: Kajian pelajar Jabatan Bahasa Arab & Bahasa-Bahasa Timur Tengah di Universiti Malaya*.
- Ahmad, Z., & Nor, M. (2021). *Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Cabaran Dan Hala Tuju*. Jurnal Pendidikan Islam, 36(2), 45–59.
- Ali, N. (2020). *Penilaian Keberkesanan Modul Pembelajaran Kendiri Strategi Pemahaman Bacaan Teks Bahasa Arab (MPK SPMA)*. Jurnal Institusi Moden & Kontemporari (JIMK).
- Almelhes, S. A. (2024). *Gamification For Teaching The Arabic Language To Non-Native Speakers: A Systematic Literature Review*. Frontiers in Education.
- Al Muhsin, M. A. (2024). *Development And Validity Of Arabic Muamalat Module (M~BAM) For Islamic Finance Higher Education Learning Program*. Global Journal Al-Thaqafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ayu, A. G. (2024). *Pengembangan E-Modul Bahasa Arab Berbasis Kontekstual Pada Materi Al-*unwānu**. Tesis sarjana. Institut Agama Islam Negeri Parepare.
- Buku Sukatan Pelajaran KAFA JAKIM 2.0. (2020). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). ISBN: 987-983-042-644-0.
- Faizal, W. M. H. W. (2025). *Analysis Of The Design Needs And Development Of The AR-Kahf Module For Learning Arabic Syntax In The Quran*. International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development (IJARPED).
- Ghani, M. T. A., Wan Daud, W. A. A., Amiruddin, A. Z., & Mohamad Yusof, M. A. (2020). *Enhancing Arabic Language Learning In The 21st Century: Understanding Generation Y's Need In Malaysian Context*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 8(1), 25–32.
- Harun Baharudin, & Saad, R. (2024). *Penguasaan Konsep Waktu Kata Kerjabahasa Arab Dan Hubungannya Dengan Efikasi Kendiri Kemahiran Menulis Pelajar STAM*. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 10(2), 77–95.
- Hashim, L. H. (2021). *Tahap Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam Malaysia*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(7), 127–138.
- Hazleena Baharun, Saadah Abd Rahman, Hishomudin Ahmad, Noor Saazai Mat Saad, & Ikmal Hafiz Jamal. (2020). *Quranic Understanding Among Non-Native Speaker Of Arabic: Malaysian Experts' Perspectives*. GEMA Online Journal of Language Studies, 20(2), 203–223.
- Hilmi, A. B. A., Saleh, M. H., & Sulaiman @ Mohamad, A. (2022). *Kertas Konsep Pengintegrasian Ayat Hafazan Al-Quran Dengan Ilmu Aqli: Ke Arah Pembangunan Model Di Kolej GENIUS Insan*. Sains Insani, 7(1), 44–50. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol7no1.373>
- Howell, H. R. (2025). *Arabic Language Curriculum As A Foundation For Strengthening Religious Education In Public Higher Education*. Jurnal Pendidikan Agama Islam, 22(1), 97–121.
- Ibrahim, L., Abdul Rahman, A., Baharum, A. S., & Nawī, A. (2024). *Al-It̄ār Al-‘āmm Li Taṣmīm Al-Wiḥdāt An-Namūdhajīyyah Li Ta‘allum Qawā‘id Al-Lughah Al-‘Arabīyyah Min Khilāl An-Nuṣūṣ Al-Qur‘āniyyah Li Ṭalabah Tahfīz Al-Qur‘ān Bi Madāris Al-Imtiyāz Bi Terengganu*. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 33(5), 354–376.
- Imam Baihaqi, A., & Akmal, N. (2025). *Development Of HOTS-Based Arabic Language Module To Improve Students' Critical Thinking Skills*. Arabi: Journal of Arabic Studies, 10(1), 39–52.

- Ismail, M. R., Abdul Latif, K. A., & Ghazali, A. R. (2024). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA) Dalam Kelas Berdasarkan Perbezaan Jantina Dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (Unipsas)*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 7(1), 283–295.
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A., Maromar, F., & Man, M. D. S. (2022). *Tahap Kemahiran Menulis Pelajar Diploma Bahasa Arab Di IPT Malaysia Berdasarkan Persepsi Dan Ujian Pengesanan*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022), 889–901.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020). *Buku Sukatan Pelajaran KAFA 2.0*. Putrajaya: JAKIM.
- Kamaruddin, K., Abu Bakar, M., & Aziz, N. I. (2025). *Cabaran Dan Strategi Penguasaan Bahasa Arab Dalam Program Diploma Pengajian Islam: Kajian Di Unishams*. International Journal of Education Psychology and Counseling, 10(57), 801–823. <https://doi.org/10.35631/IJEP.1057052>
- Kirembwe, R. A. H., Che Noh, M. A., Ramlan, S. R., Mohd Rashid, M. H., & Mohd Yusof, M. (2023). *The ADDIE Analysis Phase In Arabic Module Design For Ugandan Adult Muallaf (UAM): Implications For The Development Of Elementary Arabic Learning Modules (EALM)*. UluM Islamiyyah, 35(1). <https://doi.org/10.33102/uij.vol35no01.509>
- Kirembwe, R. A. H., Che Noh, M. A., Ramlan, S. R., Jaffar, M. N., Ahmad, S., Ismail, H., Ishak, M. B., Yahaya, M. B., & Syed Sahuri, S. N. (2025). *Revisiting Inaq Principles In View Of Tadabbur Al-Qur'an Methods: An Elevated Naqli-Aqli Integration Platform*. UluM Islamiyyah, 37(1). <https://doi.org/10.33102/uij.vol37no01.664>
- Kirembwe, R. A. H., Che Noh, M. A., Ramlan, S. R., Ahmad, S., Ismail, H., Syed Sahuri, S. N., & Jaffar, M. N. (2023). *The Role Of ADDIE Analysis Phase In Arabic Module Design For Ugandan Adult Muallaf (UAM): Annotated Remarks For The Development Of Elementary Arabic Learning Module (EALM)*. UluM Islamiyyah, 35(1), 59–72.
- Majadly, H., & Haj Yahya, A. (2024). *Beyond The Language: Arabic Language Textbooks In Arab–Palestinian Society As Tools For Developing Social–Emotional Skills*. Education Sciences, 14(10), 1088. <https://doi.org/10.3390/educsci14101088>
- Mohd Salleh, A. (2019). *Bahasa Arab Untuk Ibadah: Analisis Terhadap Modul Pengajaran KAFA*. Jurnal Usuluddin, 47(1), 101–118.
- Putra, A., & Sukarno, B. (2024). *The Development Of Student Reading Skills In Arabic For Indonesian Boarding Schools: Instructional Model With Phased Design*. The Pedagogical Learning Studies (TPLS) Journal.
- Ramli, N., & Abdullah, H. H. (2023). *Blending Naqli And Aqli Elements In Internship Programs: Insights From Students' Essays And Reports*. Journal al-'Abqari, 29, 135–150. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.534>
- Selim, N. (2024). *Reimagining Arabic In Islamic Schools*. In *Oxford Research Encyclopedia Of Education*. Oxford University Press.
- Universiti Pendidikan Sultan Idris. (2024). *Development And Validity Of Arabic Muamalat Module (M~BAM) For Islamic Finance Higher Education Learning Program*. Global Journal Al-Thaqafah.
- Universiti Sains Islam Malaysia. (2016). *Pelan Strategik USIM 2016–2025*. Nilai: USIM.
- Wan Adnan, W. M. S., Baharum, A. S., & Musling, M. N. (2024). *Perspektif Pelajar Terhadap Kebimbangan Berbahasa Arab: Suatu Kajian Tinjauan*. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 33(5), 124–132.
- Wan Adnan, W. M. S., & Baharum, A. S. (2024). *Examining The Impact Of Gender On Arabic Language Anxiety*. Dalam Proceedings of Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2024). Universiti Sains Islam Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.